

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

1. Senaraikan semua projek rumah mampu milik (RMM) dan harganya mengikut kategori di daerah Timur Laut ?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri dalam usaha membekalkan unit kediaman pada harga mampu milik menguatkuasakan Dasar Pembinaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah dan Dasar Perumahan Mampu Milik 100 Peratus. Melalui usaha ini sebanyak 126,816 unit RMM A, B dan C berjaya dicapai kearah matlamat 220,000 unit menjelang 2030.

Secara dasar juga kawalan harga bagi RMM A dengan keluasan minima 650 kaki persegi ditetapkan pada RM42,000.00 manakala RMM B dengan keluasan minima 700 kaki persegi pada harga RM72,500.00. Harga kawalan RMM C yang pada peringkat awal RM400,000.00 telah diselarakan pada RM300,000.00 dikawasan Pulau manakala RM250,000.00 di Seberang Perai.

Berdasarkan rekod terkini terdapat sebanyak 37,785 unit RMM di Daerah Timur Laut meliputi siap 17,139 siap, 9,711 dalam pembinaan dan 10,935 dalam peringkat perancangan. Angka ini adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan RMM di Pulau Pinang sebanyak 126,816 (57.64%) unit RMM sejak 2008 hingga kini ke arah sasaran penyediaan 220,000 unit menjelang tahun 2030. Senarai projek RMM di Daerah Timur Laut seperti di **Lampiran A.**

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) A, B & C PULAU PINANG

a. Senarai Projek RMM A, B dan C Slap dan Terima Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan Slap dan Pematuhan (CCC) Sejak Tahun 2008

Bil	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit	Catatan
Daerah Timur Laut								
1	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	A	125	
2	2008	DTL	Sunway Ceria	Sunway Bukit Gambier Sdn. Bhd.	Lot 1289 dan Sebahagian Lot 1799 & 6633, Mk. 13, DTL	A	84	
3	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	B	145	
4	2008	DTL	Desa Indah	Althem Dev Sdn. Bhd.	Lot 1243, 1659 & 2115 Mk.3, Jalan Paya Terubong	B	972	
5	2008	DTL	Taman Permai Jaya	Taman Seri Setia Sdn. Bhd.	3365, 3366, 3785, 3786, 3788 Sebahagian Lot 381, Mk 18, Jalan Permai, Gelugor	B	127	
6	2009	DTL	Taman Sri Saujana	PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	192	
7	2009	DTL	Nipah Court	E&O Property Sdn. Bhd.	PT.692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	A	180	
8	2009	DTL	Taman Sri Saujana	PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	B	544	
9	2009	DTL	Palm Court	E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut	B	512	
10	2009	DTL	Taman Sri Aman C1	Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	354	
11	2009	DTL	Bukit BI	Reka Indah Dev Sdn. Bhd.	Lot 1555, 1556 & 1557 Sek. 5, Lebuhraya Thean Teik, DTL	B	295	
12	2009	DTL	Puncak Erskine	Prime View Sdn. Bhd.	Lot 135 & 3562 Mk.18 GM 167 201 Daerah Timur Laut	B	1,038	
13	2009	DTL	Pinang Court	Jelutong Dev Sdn. Bhd.	Plot C2-3, Lebu Sungai Pinang 1, Bandar Georgetown	B	389	
14	2010	DTL	Taman Sri Saujana	PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	238	
15	2010	DTL	Taman Seri Tanjung	Palmex Industries Sdn. Bhd.	Lot 3175, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut	A	40	
16	2010	DTL	Taman Sinar Pelangi	Genuine Galaxy Sdn. Bhd.	Lot 432, Seksyen 1, Bandar Jelutong, DTL	B	287	
17	2010	DTL	Taman Sri Aman C2	Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	347	
18	2010	DTL	Taman Sri Saujana	PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown	B	466	
19	2012	DTL	Halaman Kenanga	PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	A	204	
20	2012	DTL	Halaman Kenanga	PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	B	510	
21	2012	DTL	The Pulse	Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd.	Lot PT.59, No. H.5 (D) 15868, Gelugor, Daerah Timur Laut	B	249	
22	2012	DTL	Taman Pelangi Indah	Ujung Pelangi Sdn. Bhd.	Lot 962 & 963 (Lot Lama 314) Lorong Perak Seksyen 1, Bandar Jelutong	B	354	
23	2012	DTL	Palm Court	E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut	B	486	
24	2014	DTL	Shineville	Zantalite Enterprise Sdn. Bhd.	Lot 54, Seksyen 5, Bandar Georgetown, Lebuhraya Thein Teik	B	234	
25	2014	DTL	Taman Bukit Erskine	Ivory Villas Sdn. Bhd.	Lot 141, Mukim 18, Lebuhraya Halia	B	554	
26	2014	DTL	Halaman Kristal	Crystal Prestige Sdn. Bhd.	Lot 2333, Jalan Free School, 11600	B	245	
27	2015	DTL	Centrio Avenue	Nuwata Sdn. Bhd.	Lot 7586, 7587 Sebahagian 7588 dan Sebahagian 7585, Mukim 13, Jalan Permai, Jalan Bukit Gambir, DTL	B	780	
28	2017	DTL	Selasih Court	E&O Property Sdn. Bhd.	PT 692 (Lot Baru 71), Sebahagian Kawasan Tebusguna Bandar Tanjung Pinang (Fasa 1), DTL	B	644	
29	2018	DTL	Egarden	Visentak Capital Sdn. Bhd.	Di Atas Lot-lot 10156-10158 (Lot Lama 3618), Mukim 18, Mount Erskine, Pulau Pinang	B	142	
30	2018	DTL	Tri Pinnacle	Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt.	B	458	
31	2018	DTL	Tri Pinnacle	Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt.	C	859	
32	2018	DTL	Taman Gema Intan	Gema Intan Sdn. Bhd.	Lot 587, Sek. 1, Bandar Jelutong, Jalan Perak, DTL	B	109	
33	2018	DTL	Taman Skyridge	Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	B	184	
34	2018	DTL	Taman Skyridge	Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	C	154	
35	2018	DTL	Iconic Vue	Iconic Land	Lot 740, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi	C	232	
36	2020	DTL	Santorini	UDA Holdings SB	Sebahagian Lot 3265 (PT274), Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Jalan Seri Tanjung Tokong	C	2155	
37	2017	DTL	SP Chelliah	Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	B	770	
38	2017	DTL	SP Chelliah	Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	C	1323	
39	2017	DTL	Artis 3	Dutamas Permai Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 516, 524 dan Sebahagian Lot 701, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	158	
Jumlah DTL							17,139	

b. Senarai Projek RMM A, B dan C Sedang Dibina

Bil	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit
Daerah Timur Laut							
1	2016	DTL	332, 407 dan 460, Seksyen 1 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	Orientside Dev. Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	B	380
2	2017	DTL	Sri Jelutong	Hooi Hwa Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 809, Lorong Madrasah, Seksyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	35
3	2017	DTL	Sri Jelutong	Hooi Hwa Sdn. Bhd.	Di atas Lot No. 809, Lorong Madrasah, Seksyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	C	134
4	2017	DTL	Sandiland Foreshore	PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	B	321
5	2017	DTL	Sandiland Foreshore	PDC Properties Penswastaan Tanjung Villa	PT 351 & PT 354, Seksyen 11E, Jalan CY Choy, DTL	C	482

Bil	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil. Unit	Catatan
6	2017	DTL	Granito	Taman Sri Bunga (BSG)	Sebahagian Lot 4510, Mk. 18, Tanjung Bungah, Lorong Lembah Permai 3	C	980	
7	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmon)	PDC Properties Sdn. Bhd. (Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	B	310	
8	2017	DTL	Jelutong (Grace Harmon)	PDC Properties Sdn. Bhd. (Novaland Sdn Bhd)	Lot 12 dan sebahagian Lot 13,14,15,16 dan PT 98	C	444	
9	2017	DTL	The Stone	PLB Land SB	Di Atas Lot 9819, Tingkat Paya Terubong 5, Mk. 13	C	1,000	
10	2018	DTL	The Zen	Asia Green Construction	Di Persiaran Bayan Indah, Di Atas Lot-Lot PT3984, PT4011 dan PT4012, Bayan Mutiara, Mukim 13	C	1,200	
11	2018	DTL	Cecil Residensi	PDC Properties	Di atas tanah kerajaan Plot A bersebelahan Lot 311 (di antara Jalan Pintasan Cecil dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu), Seksyen 11E, Georgetown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	348	
12	2018	DTL	Lot No. 30 Seksyen 4 Bandar Jelutong Lintang Hajah Rehman	Aspen Vintage Sdn.Bhd.	Pembinaan	B	38	
13	2018	DTL	Pangsapuri Warisan Indah	UDA Holdings SB	Di Atas Lot PT204 (Lot Baru 3195), Jalan Tanjung Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	A	550	
14	2019	DTL		Taman Sri Bunga (BSG)	Di Atas Lot 4714-4723 dan 4759-4769, Sebahagian Lot Lot 4713 dan 4758, Lorong Sungai Kelian 10, Bandar Tanjung Buntar	B	342	
15	2019	DTL	The Dew	Tetuan PLB Sdn Bhd	Pembinaan	C	281	
16	2020	DTL	Ideal Residensi (1)	Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,312	
17	2020	DTL	Ideal Residensi (2)	Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,554	
						Jumlah DTL	9,711	

c. Senarai Kebenaran Merancang Projek RMM A & B dan C Swasta dan Perancangan Kerajaan Negeri & Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Bil	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Status	Jenis RMM	Bil. Unit	Catatan
1	2018	DTL	10009, 10010, 10011, 10012 & 10013, Seksyen 1 Batu Feringgi, Jalan Sungai Satu	Eastscape Vista Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	1,248	
2	2017	DTL	62, Seksyen 2 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	Malim Jaya (Melaka) Sdn. Bhd	Kebenaran Merancang	B	15	
3	2017	DTL	62, Seksyen 2 Batu Feringgi, Batu Feringgi, DTL	Malim Jaya (Melaka) Sdn. Bhd		C	182	
4	2017	DTL	336 & 337, Mukim 13 Paya Terubong, Jalan Teochew Satu, Daerah Timur Laut	Focal Products Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	646	
5	2017	DTL	Di Atas Lot 2920, Pt 3986, Dan Sebahagian Lot 2921 & Lot 292, Jalan Bukit Gambier, Sungai	Gambier Sanctuary Sdn Bhd	Kebenaran Merancang	B	194	
6	2017	DTL	Di Atas Lot 1555 (Lot Baru 6400), Persiaran Bukit Gambir 1, Mukim 13, DTL	Tetuan MP5B Venture Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	A	85	
7	2018	DTL	Warisan Tanjung Fasa 41, Tanjong Tokong Lama, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd	Kebenaran Merancang	A	650	
8	2018	DTL	Wakaf Shaik Eusoff, Jalan Air Itam	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd JV MAINPP	Kebenaran Merancang	B	1,248	
9	2018	DTL	Kampong Mutiara, Batu Feringgi	Tetuan UDA (North) Sdn Bhd / Kerajaan Pusat	Kebenaran Merancang	A	566	
10	2018	DTL	Kota Giam	LPNPP	Perancangan	B	895	
11	2018	DTL	Jalan Perak	MBPP	Perancangan	B	200	
12	2018	DTL	Jalan Perak	MBPP	Perancangan	C	2,225	
13	2020	DTL	Lot 728, Batu Gantung, Seksyen 2, DTL	Tetuan Berjaya Land Development Sdn Bhd	Kebenaran Merancang	B	70	
14	2018	DTL	Di atas Sebahagian Lot 11511, Tingkat Paya Terubong 2, Mk. 13	Tetuan Patsifit Construction Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	205	
15	2019	DTL	Lot 486, Mukim 14, DTL	Tetuan Yuan Seng Building Trading Sdn. Bhd.	Kebenaran Merancang	C	313	
16	2019	DTL	Lot 11312, 11314, 11315, 11316, 11317, Plot D, Sbghe Lot 11311 & Lot 6388-6390, Mukim 13, Jalan Masjid DTL	Aspen Park Hills	Kebenaran Merancang	B	464	
17	2020	DTL		Lengkap Impresif	Kebenaran Merancang	B	27	
18	2020	DTL	Lot 1266, Jalan Maklomb, seksyen 9W, Bandar Georgetown	Saluran Melodi Sdn Bhd	Kebenaran Merancang	C	20	
19	2020	DTL	10025, Lebuhraya, Mukim 13 Air Itam	EIZO Enterprose Sdn Bhd	Kebenaran Merancang	C	118	
20	2021	DTL	Mutiara Ria	JKP Sdn. Bhd.	PT 62, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Kg. Pisang Awak	C	410	
21	2021	DTL	Mutiara Ria	JKP Sdn. Bhd.	PT 62, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Kg. Pisang Awak	C	838	
22	2021	DTL	Lot 809,810 dan Plot A, Lorong Madrasah, seksyen 4 Bandar	Major Development (formerly Hooi Hwa)	Kebenaran Merancang (HOC)	C	316	
						Jumlah DTL	10,935	

Jumlah OC/CCC 17,139
Jumlah Sedang 9,711
Jumlah Perancangan 10,935
JUMLAH KESELURUHAN 37,785

RMM A - Rumah Mampu Milik A (Harga Maksima RM42,000)
RMM B - Rumah Mampu Milik B (Harga Maksima RM72,500)
RMM C - Rumah Mampu Milik C (Harga Maksima RM300,000)
DTL - Daerah Timur Laut

Bil	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMM	Bil / Unit	Catatan
			DBD - Daerah Barat Daya					
			SPT - Seberang Perai Tengah					
			SPS - Seberang Perai Selatan					
			SPU - Seberang Perai Utara					

UPDATED : 14 Julai 2021

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

2. Selaras dengan perkembangan kegunaan *electric vehicle* (EV) di seluruh dunia, adakah Kerajaan Negeri bersedia melaksanakan polisi penggunaan kenderaan elektrik sahaja di dalam Taman Botani dan taman-taman yang lain.
- (a) Apakah tarikh dan/atau tempoh masa sasaran pelaksanaannya?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kenderaan elektrik (*electric vehicle* - EV) semakin mendapat sambutan di seluruh dunia. Melalui visi Penang2030, penggunaan kenderaan elektrik di Pulau Pinang juga merupakan salah satu sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. Walau bagaimanapun, sehingga kini kerajaan negeri masih belum mempunyai polisi bagi penggunaan kenderaan elektrik sahaja di dalam Taman Botani dan taman-taman yang lain di Pulau Pinang.

Sekiranya polisi penggunaan kenderaan elektrik ingin diwujudkan, polisi ini perlu diteliti secara mendalam memandangkan taman-taman di sekitar Pulau Pinang adalah taman-taman yang bersaiz kecil. Penggunaan kenderaan elektrik dalam kawasan taman boleh menyebabkan gangguan kepada pejalan kaki dan orang awam yang beridrah di sekitarnya. Sungguhpun begitu, kerajaan negeri bersedia mengkaji polisi penggunaan kenderaan elektrik ini pada masa hadapan.

Selain itu, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang juga telah menggunakan kenderaan elektrik iaitu Motosikal Eclimo ES-11 sejak tahun 2014 di sekitar kawasan Taman Botani bagi urusan seharian jabatan. Manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menggunakan kenderaan elektrik iaitu *buggy* elektrik sejak tahun 2016 untuk urusan pembersihan dan penyelenggaraan di sekitar Taman Bandaraya MBPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

3. Apakah kedudukan perancangan pembinaan terowong di bawah laut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

3. Projek Terowong Dasar Laut merupakan salah satu komponen di bawah Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik, iaitu Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC).

Komponen Projek Terowong Dasar Laut melibatkan skop penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan dan diikuti dengan skop rekabentuk serta pelaksanaan pembinaan.

Lanjutan pengemukaan draf laporan kajian kebolehlaksanaan pada bulan September 2019 oleh pihak CZC kepada Kerajaan Negeri, laporan ini telah diteliti oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat serta pihak berkepentingan. Laporan kajian kebolehlaksanaan yang ditambahbaik oleh pihak CZC berdasarkan ulasan yang diterima dan dikemukakan semula kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2020.

Laporan kajian kebolehlaksanaan kini adalah dalam fasa akhir tertakluk kepada pengintegrasian rekabentuk terowong bersama pelan induk pembesaran Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP). Buat masa ini, pihak SPPP dalam proses mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Negeri berkenaan pelan induk pengangkutan NBCT.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

4. Visi Penang2030 Kerajaan Negeri bertemakan *"A family-focused Green & Smart State that Inspires the National"*.
- (a) Senaraikan dan huraikan semua inisiatif dan/atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk merealisasikan visi tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 29 Ogos 2018 telah melancarkan Visi Penang2030 dengan slogan Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara. Visi ini memberi tumpuan kepada empat (4) teras utama iaitu: untuk meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan; mengembangkan ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat untuk mengukuhkan sistem dan penyertaan awam; serta melabur dalam pembangunan alam sekitar untuk mewujudkan sistem yang lebih berdaya tahan.
- (a) Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk menjayakan Visi Penang2030. Sehubungan itu, setiap usaha/ projek/ inisiatif yang dilaksanakan/ diperkenalkan Kerajaan Negeri adalah menjurus kepada komitmen untuk merealisasikan Visi Penang2030. Sepanjang tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini, terdapat banyak pencapaian/ projek berimpak tinggi yang telah dan sedang dilaksanakan secara menyeluruh yang memberi manfaat kepada rakyat negeri Pulau Pinang khususnya.

Antara usaha/ projek/ inisiatif berimpak tinggi yang telah dilaksanakan/ diinspirasi oleh Kerajaan Negeri ke arah mencapai Visi Penang2030 adalah seperti berikut:

Projek/ Inisiatif yang telah siap sepenuhnya

- (i) Penyusunan dan penjenamaan semula portfolio YB Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri berkuatkuasa pada 15 September 2020 relevan dengan penumpuan semasa terhadap pemulihan dan peningkatan ekonomi pasca pandemik COVID-19;
- (ii) Pelaksanaan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19) berperingkat sehingga fasa 3.1 melibatkan bantuan sebanyak RM174.52 juta;
- (iii) Program i-Sejahtera tahun 2021 melibatkan penyaluran peruntukan sebanyak RM34.282 juta kepada 247,555 penerima; dan
- (iv) Pembayaran Skim Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM6.292 juta yang melibatkan 1,601 penerima.

Projek/ inisiatif masih dalam pelaksanaan

- (i) Pembinaan sebanyak 119,116 unit Rumah Mampu Milik Kategori A, B dan C (54.17% pencapaian semasa sehingga September 2021 berbanding sasaran keseluruhan sebanyak 220,000 unit);
- (ii) Penawaran 2,510 unit Rumah Mampu Milik Kategori A dan B kepada unit sewa beli sehingga September 2021 berbanding sasaran keseluruhan sebanyak 22,000 unit;
- (iii) Projek-projek pembangunan infrastruktur telekomunikasi di bawah pelaksanaan *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) juga telah menjana

pelaburan sehingga RM143 juta kepada negeri Pulau Pinang;

- (iv) Inisiatif tanpa tunai di jabatan/agensi pemungut hasil kerajaan termasuk di pasar-pasar awam seluruh negeri Pulau Pinang;
- (v) Sistem pembayaran tempat letak kereta tanpa tunai – *Penang Smart Parking (PSP)*;
- (vi) *Penang Tourism Master Plan* turut dilancarkan bagi menetapkan visi yang lebih komprehensif bagi pelan pelancong negeri pasca pandemik COVID-19;
- (vii) Mewujudkan Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy bagi membantu penyusunan semula gelandangan di negeri Pulau Pinang;
- (viii) Agenda pemerkasaan wanita di peringkat pembuat keputusan dengan memperkenalkan inisiatif *Top-Up Women-Only Additional Seats (TWOAS)* dengan mengangkat dasar sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam Ahli Majlis dan Lembaga Pengarah anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.
- (ix) Pembangunan Projek Gurney Wharf yang akan mewujudkan persekitaran hijau selain menjadi hab tarikan pelancong;
- (x) Pelaksanaan Projek-projek Tebatan Banjir (RTB) seluruh negeri Pulau Pinang yang melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM147.15 juta; dan
- (xi) Penubuhan Pusat Belia bagi menggerakkan aktiviti pembangunan belia secara komprehensif (setakat ini lapan (8) pusat belia telah ditubuhkan. Antaranya di KADUN Penanga, KADUN Penanti, KADUN Teluk Bahang, KADUN Seberang Jaya, KADUN Bagan Jermal, KADUN Sg. Pinang, KADUN Bertam dan KADUN Bukit Tambun).

Projek/ inisiatif yang akan dilaksanakan

- (i) Pembangunan *Penang South Reclamation* (PSR) yang akan membawa lebih banyak pelaburan asing masuk serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan pembinaan perumahan mampu milik selain berpotensi untuk mengekalkan pembangunan dalam ekosistem hijau; termasuk
- (ii) Perancangan pembinaan Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT) bertujuan untuk mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas yang semakin meningkat;

Bagi tujuan penambahbaikan, pelaksanaan dan pemantauan semua inisiatif/ projek di bawah Visi Penang2030, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja Visi Penang2030. Jawatankuasa tersebut akan melaporkan status semasa/ kemajuan setiap inisiatif/ projek melalui Sistem Pemantauan Dashboard Penang2030. Sistem tersebut juga sedang dinaiktaraf bagi membolehkan akses secara *compatible* melalui portal rasmi Penang2030 bagi membolehkan pemantauan projek/ program/ inisiatif Kerajaan Negeri secara rapat dan terbuka untuk capaian umum serta dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir Disember 2021.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

5. Kawasan Padang Tembak masih ketinggalan dari arus perkembangan *digital*.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan struktur *digital* di kawasan tersebut?
 - (b) Apakah tarikh dan/atau tempoh masa sasaran pelaksanaannya?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Rancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan struktur digital di kawasan Padang Tembak adalah seperti berikut:
- (i) Membina pemancar baharu dilokasi yang bersesuaian;
 - (ii) Menaik taraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G/LTE; dan
 - (iii) Membuat sambungan gentian optik ke premis-premis dalam kawasan Padang Tembak.
- (b) Berdasarkan semakan yang telah dilakukan, di sekitar kawasan Padang Tembak kini terdapat 4 lokasi stesen pemancar yang sedang ditambah baik secara

berperingkat. Kesemua stesen pemancar di lokasi ini akan siap ditambah baik sepenuhnya pada penghujung November 2021. Selain itu, penyediaan gentian optik juga sedang giat dilakukan dan lapan (8) lokasi telah pun siap dengan ketersediaan sebanyak 791 sambungan ke premis. Penyediaan sambungan gentian optik ini akan diteruskan dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun 2022.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

6. Masalah kebersihan di rumah pangsa Padang Tembak masih tidak dapat ditangani.
- (a) Apakah kempen dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah yang berpanjangan ini?
 - (b) Adakah satu tempoh masa akan ditetapkan untuk penyelesaian masalah ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Selaras dengan slogan *Cleaner, Greener and Safer Penang*, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan perumahan awam yang sentiasa bersih, kondusif dan selesa untuk dihuni khususnya rakyat Negeri Pulau Pinang. Aspek kebersihan merupakan antara isu utama di mana-mana perumahan berstrata terutamanya di perumahan Rumah Mampu Milik Jenis A dan B. Isu kebersihan seharusnya ditangani bersama di antara komuniti penduduk dan pihak pengurusan. Perkara ini adalah selaras dengan Seksyen 9(3) dalam Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757],

"Larangan am pemilik seperti berikut "membuang atau membenarkan untuk jatuh, apa-apa buangan atau sampah sarap dalam apa-apa bentuk atas harta bersama atau mana-mana bahagian daripadanya kecuali dalam tong sampah yang disenggara olehnya atau ke dalam saluran buangan atau bekas

sampah dalam ruang sampah umum yang disediakan dalam bangunan".

- (b) Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam menyelesaikan isu-isu kebersihan ini. Kerajaan Negeri telah melantik syarikat pembersihan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan harian, mingguan dan bulanan bagi tujuan penambahbaikan tahap kebersihan di kawasan perumahan Rumah Pangsa Padang Tembak. Skop kerja syarikat pembersihan diperincikan seperti di **LAMPIRAN A**.

Pekerja-pekerja dari syarikat pembersihan melaksanakan kerja-kerja pembersihan mengikut skop kerja, lokasi dan kekerapan mengikut ketetapan dalam dokumen perjanjian. Kerajaan Negeri berhak untuk memotong tuntutan bulanan syarikat pembersihan tersebut sekiranya:

- (i) Syarikat tidak menjalankan perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan mengikut spesifikasi kerja pembersihan yang ditetapkan; dan
- (ii) Syarikat tidak melaksanakan obligasi mengikut mana-mana terma atau syarat yang diperuntukkan sebagaimana perjanjian yang dimaterikan termasuk membekalkan pekerja yang mencukupi.

Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan kempen-kempen kebersihan dan kesedaran secara berterusan dan mungkin telah tiba masanya Kerajaan Negeri melaksanakan penguatkuasaan terhadap penghuni yang ingkar ataupun sengaja melanggar peraturan demi kesejahteraan penduduk dan masa depan Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih dan selamat.

LAMPIRAN A

SKOP KERJA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENJAGA KEBERSIHAN DI 9 BLOK KAWASAN PERUMAHAN BLOK A, B, C, D, E, F, G, H dan J RUMAH PANGSA PADANG TENBAK

BIL.	PERKARA
A.	KERJA-KERJA HARIAN (1 kali sehari)
1.	Pembersihan dan menyapu hendaklah dijalankan setiap hari atau seperti yang diarahkan oleh Pengawai Penguasa atau wakilnya. a) Membersih termasuklah mengelap semua perabot termasuk telefon dan peralatan elektrik dan sanitasi ruang pejabat; b) Menyapu dan membersih semua lantai, lorong, balkoni dan tangga; c) Menyapu dan membersih semua kawasan lapang dan gunasama termasuk dewan serbaguna/rumah mayat sekiranya ada; d) Membuang semua sampah sarap, membersihkan tong-tong sampah, bakul-bakul sampah dan keliling kawasan tong sampah; e) Membuang dan membersih sampah sarap dalam lubang <i>air well</i> jika ada; f) Menyapu dan membersih tempat letak kereta atau garaj; g) Menyapu dan mencuci longkang keliling dan lubang-lubang longkang; h) Membersihkan sarang labah-labah dan pencemar yang lain; i) Mencuci kolam tadahan dan hiasan jika ada; j) Mencuci dan membersihkan segala kotoran pada penutup lampu; k) Membersihkan saluran aliran air hujan termasuk saluran dibumbung dari segala sampah sarap dan daun-daun pokok; l) Mengelap/mengemop air hujan yang meresap ke dalam kawasan bangunan; m) Membersih/mengemop keseluruhan ruang dalam lif; n) Sanitasi lif mengikut SOP pencegahan COVID-19; o) Mencuci/mengemop ruangan lobi lif dan sanitasi; dan p) Penyiraman pokok-pokok hendaklah dijalankan setiap hari pada pagi dan petang.

BIL.	PERKARA
B.	KERJA-KERJA MINGGUAN
	Pada dasarnya kerja-kerja adalah untuk membaja, merumput, menggembur, menyiram, meracun, mencantas, membersihkan dan menyapu, mencuci longkang dan memotong rumput setiap 2 minggu sekali. 1. Merumput dan menggembur; 2. Memotong dan memaras rumput-rumput di kawasan cerun dan lapang; 3. Penyemburan racun serangga; 4. Pembersihan longkang-longkang dari sampah sarap, tanah dan sebarang tumbuhan hendaklah menggunakan peralatan yang berkesan dan sesuai; dan 5. Memotong rumput, lalang dan dedaun yang tidak sepatutnya tumbuh seperti yang ditetapkan di tanah rata dan di tebing termasuk membersihkan kawasan.
C.	KERJA-KERJA BULANAN
	1. Pembajaan; 2. Mencantas pokok pagaran/renik; dan 3. Menyediakan keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pemotongan rumput mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

7. Sistem perparitan, saliran dan pengairan di seluruh Pulau Pinang sedia ada yang ditinggalkan oleh British perlu diselaraskan dengan pembangunan pesat seperti projek perumahan, kondominium, flat dan komersial.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf semua sistem perparitan, saliran dan pengairan supaya banjir boleh diatasi?
- (b) Nyatakan satu tempoh masa sasaran perancangan dan pelaksanaannya?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Kerajaan Negeri menyedari hakikat bahawa sistem perparitan sedia ada iaitu sistem perparitan lama tinggalan Kerajaan British sudah tidak boleh menampung kadar aliran dengan pembangunan pesat yang berlaku kini. Melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS), Kerajaan Negeri telah mewajibkan supaya sebarang permohonan pembangunan baharu, pihak pemaju perlulah mematuhi garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua dalam sebarang pembangunan tanah di Negeri Pulau Pinang. Konsep yang diterapkan dalam garis panduan ini adalah kadar aliran selepas pembangunan (*post development*) mestilah menyamai atau tidak boleh melebihi kadar aliran sebelum pembangunan (*pre development*). Ini bagi menjamin

supaya kadar alir selepas pembangunan tidak menyumbang kepada pertambahan larian air di permukaan semasa. Kolam takungan banjir turut dibina di lokasi yang dikenal pasti melalui kajian untuk membantu menampung lebihan air yang mungkin berlaku bagi meminimumkan kebarangkalian berlakunya risiko banjir.

- (b) Tindakan yang dilaksanakan oleh pihak JPS adalah melalui tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Bagi tindakan jangka masa pendek dan sederhana, JPS melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan merancang pelaksanaan kerja mitigasi banjir dan juga pengairan. Manakala bagi tindakan jangka masa panjang pula, Kajian Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam (*Drainage Master Plan*) untuk semua daerah di Negeri Pulau Pinang telah dihasilkan untuk dijadikan rujukan kepada semua agensi dan pemaju dalam merancang dan melaksanakan sistem saliran dengan lebih berkesan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

8. Ekoran daripada kemunculan varian baru virus COVID-19, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menghadapi masalah ini memandangkan semua sektor ekonomi telah beroperasi semula?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Walaupun terdapat kemunculan varian baru virus Covid-19, dari segi tindakan kesihatan awam sedia ada masih berkesan untuk tujuan kawalan dan pencegahan penularan Covid 19.

Oleh yang demikian, masyarakat umum diminta agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- (i) Elakkan 3S: (Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak yang dekat);
- (ii) Amalkan 3W: (Amalkan *Wash*, *Wear* dan *Warn*); dan
- (iii) Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada Prosedur Operasi standard (SOP) sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling

daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sedang bekerjasama dengan pihak PH Corp bagi meningkatkan penglibatan fasiliti swasta dari segi bilangan dan juga penambahan dos di fasiliti yang sedang melaksanakan pemberian dos penggalak (*booster*):

- (i) Sehingga 22 November 2021, jumlah penerima dos penggalak vaksin di Pulau Pinang adalah 43,168 orang. Berikut disertakan bilangan penerima dos booster di negeri lain di Malaysia seperti di **Lampiran A**;
- (ii) Setakat 22 November 2021 bagi negeri Pulau Pinang, terdapat 78 klinik swasta dan 8 hospital swasta yang terlibat dalam pemberian vaksin Covid-19;
- (iii) Mulai 22 Nov 2021, mereka yang ingin mendaftar sebagai *backup list* di Fasiliti Kesihatan Swasta (Pulau Pinang ada 78 Klinik Swasta dan 8 Hospital Swasta dan Sunshine di bahagian pulau) boleh hubungi PPV yang disenaraikan di laman web ProtectHealth :
<https://vaksinCovid.protecthealth.com.my/find>;
- (iv) Ini terbuka kepada penerima dos penggalak yang layak (40 tahun ke atas, warga emas, 18 tahun ke atas yang komorbid, *Frontliners*) / belum menerima vaksin / terlepas dos kedua. Buat masa ini hanya Vaksin Pfizer yang ditawarkan; dan
- (v) Senarai fasiliti swasta yang terlibat dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran B**. Kenyataan Media dari ProtectHealth seperti di **Lampiran C**.

LAMPIRAN A

	NEGERI-NEGERI	DAILY BOOSTERS (setakat 22 November 2021, 11:59pm)	JUMLAH BOOSTERS (setakat 22 November 2021, 11:59am)
1.	SARAWAK	16 690	491 645
2.	KLANG VALLEY	34 282	442 156
3.	PERAK	5 262	88 465
4.	JOHOR	6 854	86 259
5.	SABAH	3 024	81 187
6.	NEGERI SEMBILAN	5 356	69 299
7.	MELAKA	3 623	68 181
8.	KELANTAN	2 934	64 810
9.	KEDAH	5 472	59 843
10.	PAHANG	1 978	43 404
11.	PULAU PINANG	4 485	43 168
12.	TERENGGANU	1 692	20 010
13.	LABUAN	445	8 072
14.	PERLIS	66	4 841

Source : COVIDNow

**Senarai Fasilitas Swasta yang Terlibat dalam Program Imunisasi
Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi Negeri Pulau Pinang**

Hospital swasta

Bil.	Hospital Swasta	Daerah
1	Gleneagles Penang	Timur Laut
2	Hospital Lam Wah Ee	Timur Laut
3	Loh Guan Lye Specialists Centre	Timur Laut
4	Optimax Eye Specialist Hospital (Penang)	Timur Laut
5	Georgetown Specialist Hospital	Timur Laut
6	BP Radiology Centre	Timur Laut
7	Pantai Hospital Penang	Barat Daya
8	KPJ Penang Specialist Hospital	Seberang Perai Tengah

Klinik swasta

Bil.	Klinik Swasta	Daerah
1	Qualitas Health Klinik Sentosa	Timur Laut
2	Klinik Aman	
3	O2 Klinik (Ayer Itam)	
4	Khong Klinik	
5	Klinik Harmony	
6	O2 Klinik (Jelutong)	
7	Klinik Huang	
8	Osel Clinic Straits Quay	
9	Osel Clinic Macalister	
10	O2 Klinik (Tanjung)	
11	Klinik Bersatu Georgetown 24 Jam	
12	O2 Klinik (Heritage)	
13	Klinik Perubatan The Pearl	
14	Klinik Bayan Medic	
15	Poliklinik Bagan	
16	Klinik Famili	

17	Poliklinik Panmedik	
18	Klinik Health Plus	
19	Klinik Mediviron	
20	Klinik Singapore	
21	Klinik Bersatu Bayan Baru	Barat Daya
22	Klinik Aman	
23	Klinik Medicris	
24	O2 Klinik (Summerton)	
25	Plux Health Clinic	
26	Klinik Seri Pulau	
27	Menara Medical Clinic	
28	Klinik Menara (Penang)	
29	O2 Klinik (Relau)	
30	Klinik Ihealth	
31	Bayan Medic	
32	Klinik Medilife	
33	Klinik Perubatan Tanah Melayu	
34	Klinik Singapore	
35	Qualitas Health Klinik IMA	
36	Klinik Topcare (Alma) Sdn Bhd	Seberang Perai Tengah
37	Poliklinik Public	
38	Klinik Unicare	
39	Klinik Bersatu	
40	Klinik IHealth	
41	Klinik 1 Utama	
42	Klinik Pakar Dr. K. K. Tan	
43	BP Diagnostik	
44	Klinik Joe Fernandez	
45	Klinik Caring	
46	O2 Klinik (Bukit Mertajam)	
47	Poliklinik HL	
48	Klinik Bersatu 16 Jam	
49	Klinik Dr KO	
50	Klinik Alwi dan Chandran	
51	Klinik Wong	
52	Klinik Ikhtiar (Cawangan Penanti)	

53	O2 Klinik (Raja Uda)	Seberang Perai Utara
54	BP Diagnostic	
55	Klinik Ima	
56	Klinik 1 Utama	
57	Poliklinik Public	
58	IG Clinic	
59	Caring Clinic	
60	Klinik Bersatu 16 Jam	
61	Klinik Rawatan Dr. Mahmud Cawangan Butterworth	
62	Poliklinik Bagan	
63	Poliklinik Dr Azhar dan Rakan-Rakan (Cawangan Bagan Ajam)	
64	Poliklinik GY	
65	Klinik Putra	
66	Klinik Mika	Seberang Perai Selatan
67	Clinic Medi-Genesis	
68	Klinik Eco Medic	
69	Poliklinik Lourdes	
70	Poliklinik Pekaka	
71	Klinik Tasek Mutiara Sdn Bhd	
72	Pluxhealth Clinic 24 Jam	
73	Klinik Jaaya	
74	Klinik Jawi	
75	Klinik Lim	
76	Klinik Dr. Dashindar Singh	
77	Klinik Joe Fernandez	
78	Peoples Clinic	



PROTECTHEALTH

KENYATAAN MEDIA

SARANAN BERKENAAN PENDAFTARAN SECARA WALK-IN UNTUK SENARAI MENUNGGU DI PPV FASILITI KESIHATAN SWASTA

19 NOVEMBER 2021 – Merujuk kenyataan media yang dikeluarkan oleh Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 – Penggalak (CITF-B) bertarikh 16 November 2021, mengenai pendaftaran di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) fasiliti kesihatan swasta, ProtectHealth ingin memaklumkan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil.

Pendaftaran Individu

- Selain secara *walk-in*, pendaftaran nama sebagai senarai menunggu di PPV juga boleh dilakukan melalui telefon dan/atau emel mengikut senarai PPV yang tersedia di laman web ProtectHealth (www.protecthealth.com.my) bermula 22 November 2021. Senarai PPV akan dikemaskini dari semasa ke semasa.
- Individu yang layak disarankan untuk mendaftar nama sebagai senarai menunggu hanya di **satu (1)** PPV fasiliti kesihatan swasta sahaja, bagi mengelakkan kekeliruan.
- Mereka yang telah berjaya mendaftar akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu terlebih dahulu dan akan dihubungi oleh pengamal perubatan swasta terbabit sekiranya ada pembatalan janji temu atau *no show* oleh mereka yang telah menerima janji temu vaksin dalam MySejahtera.
- Mereka yang telah menerima janji temu MySejahtera :
 - dapatkan vaksin mengikut janji temu seperti yang ditetapkan
 - jangan mendaftar nama dalam mana-mana senarai menunggu.

Pendaftaran secara *walk-in*, emel dan/atau telefon ini akan dilaksanakan bagi:

- Individu yang layak pemberian dos penggalak yang belum menerima janji temu;
 - Para petugas barisan hadapan kesihatan, keselamatan dan pertahanan;
 - Individu berusia 40 tahun dan ke atas;
 - Individu berusia 18 tahun dan ke atas dengan komorbiditi;
 - Penghuni termasuk petugas di Pusat Jagaan Kesihatan Jangka Panjang;
 - Ibu yang mengandung; dan
 - Keperluan ke luar negara

1/2

LAMPIRAN C

- Individu (termasuk remaja berusia 12-17 tahun) yang masih belum menerima suntikan dos pertama atau kedua vaksin COVID-19; dan
- Individu yang terlepas janji temu vaksin

Pendaftaran untuk senarai menunggu di PPV fasiliti kesihatan swasta di bawah ProtectHealth adalah percuma dan pada masa ini, hanya vaksin Cominaty (Pfizer-BioNTech) diberikan di PPV yang disenaraikan. Pendekatan ini akan memudahkan dan menggalakkan individu yang layak menerima dos penggalak lebih awal tanpa perlu menunggu lebih lama selain dapat membantu Kerajaan memastikan vaksin tidak dibazirkan dan dapat digunakan secara optima.

Kami menggesa mereka yang telah mendapatkan janji temu vaksin untuk segera mendapatkan vaksin. ProtectHealth melalui pengamal perubatan swasta dan NGO kesihatan akan terus komited membantu mengurangkan beban Kementerian Kesihatan bagi mempercepatkan dan memperluaskan capaian vaksinasi dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Lindung diri, lindung semua.

PROTECTHEALTH CORPORATION SDN. BHD.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

9. Adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan sanitasi di semua jabatan dan agensi Kerajaan secara berjadual?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Sehingga kini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mewajibkan sanitasi di semua jabatan dan agensi Kerajaan secara berjadual. Namun demikian, semua agensi digalakan untuk mengadakan proses sanitasi sendiri dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan. Walau bagaimanapun, langkah proaktif sentiasa diambil sekiranya terdapat mana-mana jabatan atau agensi yang melaporkan kes positif COVID-19 di kalangan kakitangan masing-masing. Pentadbiran Kerajaan Negeri juga mendapat kerjasama erat daripada pihak BOMBA untuk melaksanakan proses sanitasi dari semasa ke semasa bila saja diperlukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

10. Selain pendapatan daripada cukai pintu, cukai tanah, pelbagai lesen dan lain-lain, apakah cara dan/atau kaedah lain yang boleh dipertimbangkan dan seterusnya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menambah pendapatan tanpa membebankan rakyat?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

10. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil cukai tanpa membebankan rakyat ialah:
- i. Pemantauan tunggakan oleh Jawatankuasa Tunggakan Hasil Negeri dan Jawatankuasa Tunggakan Hasil di peringkat Jabatan;
 - ii. Pemantauan kutipan tunggakan hasil tanah oleh pasukan petugas khas yang diwujudkan di peringkat Pejabat Daerah dan Tanah;
 - iii. Tindakan perampasan bagi tunggakan cukai tanah yang melebihi RM10,000.00 atau 5 tahun ke atas bagi amaun yang rendah;
 - iv. Pengkelasan tanah desa kepada tanah bandar dengan mengubah beberapa kawasan desa yang semakin maju dan berkembang setaraf dengan bandar;

- v. Pelaksanaan *Task Force Interim Register* (IR) iaitu proses Tukar ganti Hakmilik IR kepada hakmilik di bawah kanun tanah Negara (KTN) 1965;
- vi. Alternatif hasil kerajaan negeri selain cukai tanah dan premium ubahsyarat yang berkaitan dengan pengurusan tanah adalah merangkumi cukai tali air, cukai parit, bayaran perkhidmatan mengenai permohonan tanah, pendaftaran geran tanah, pajakan, pendaftaran pindah milik tanah, gadaian dan surat kaveat serta premium tanah melibatkan pemberian hak milik, pemberian milik bayaran khas dan hasil jualan tanah; dan
- vii. Terdapat juga alternatif hasil-hasil lain yang tidak berkaitan dengan urusan tanah melibatkan terimaan daripada jabatan negeri seperti cukai hiburan, lesen dan bayaran pendaftaran dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan jualan barang-barang, sewaan, keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan, denda dan hukuman, sumbangan dan bayaran ganti serta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

11. Hospital Besar Pulau Pinang sentiasa menghadapi pelbagai isu seperti kekurangan teater operasi, doktor pakar, pelbagai peralatan perubatan dan sebagainya, apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu menangani isu-isu ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sentiasa memantau kemudahan-kemudahan kesihatan di negeri ini bagi memastikan setiap rakyat dapat menerima perkhidmatan kesihatan dengan baik dan selesa. Bagi tujuan menarik taraf sesuatu kemudahan kesihatan, pihak JKN Pulau Pinang akan membuat permohonan peruntukan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KKM sentiasa komited dalam menaik taraf fasiliti kesihatan di Hospital Pulau Pinang dengan memastikan kemudahan infrastruktur serta tenaga pakar yang disediakan dapat menampung keperluan rawatan pesakit selaras dengan keperluan semasa.

Terdapat tiga (3) projek utama yang sedang dan akan dilaksanakan untuk menaik taraf Hospital Pulau Pinang bagi meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur, tenaga pakar dan keperluan peralatan perubatan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

NO.	PROJEK NAIK TARAF	SKOP PROJEK
1.	Projek Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang	Menyediakan kemudahan 329 buah katil yang terdiri daripada 165 katil <i>Obstetrik & Ginekologi</i> (O&G) dan 164 Katil Perubatan Pediatrik, 3 Dewan Bedah <i>Obstetrik & Ginekologi</i> (O&G), 12 Katil Dewan Bersalin, Jabatan Kecemasan Pediatrik, Klinik Pergigian Pediatrik dan <i>Satelite Biomedical Imaging & Pathology Department</i> .
2.	Projek Blok Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang	Menyediakan kemudahan 216 katil meliputi pelbagai disiplin perkhidmatan pembedahan dan rawatan rapi, 8 dewan bedah, 8 klinik pakar, Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Perkhidmatan Radiologi dan Patologi.
3.	Projek Blok Pusat Perkhidmatan <i>Stem cell</i> , Hospital Pulau Pinang	Dilengkapi dengan enam (6) bilik <i>Transplan Stem Cell</i> beserta makmal <i>Stem Cell</i> .

Melalui pelaksanaan projek-projek tersebut, KKM berharap agar permasalahan kekurangan teater operasi, doktor pakar, pelbagai peralatan perubatan dan sebagainya di Hospital Pulau Pinang akan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa dengan sewajarnya.

Penambahan maklumat

Berdasarkan rekod pihak JKN Pulau Pinang, terdapat tiga (3) projek jangka pendek yang telah diluluskan untuk menaik taraf perkhidmatan Hospital Bukit Mertajam pada tahun ini.

Perincian projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Berdasarkan rekod pihak JKN Pulau Pinang, terdapat tiga (3) projek jangka pendek yang telah diluluskan untuk menaik taraf perkhidmatan Hospital Bukit Mertajam pada tahun ini.

Perincian projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

NO.	PROJEK NAIK TARAF	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1.	Kerja-kerja Pembaikan Bumbung Serta Kerja-kerja Lain Berkaitan Di Hospital Bukit Mertajam.	200,000.00
2.	Kerja-Kerja Pembaikan Sistem <i>Medical Air</i> Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Hospital Bukit Mertajam.	488,200.00
3.	Kerja-kerja Naik Taraf Hospital Hospital Bukit Mertajam Sebagai Hospital Hibrid COVID-19.	150,000.00
JUMLAH		838,200.00

Selain itu, pihak pengurusan Hospital Bukit Mertajam juga telah memohon dua (2) projek jangka masa panjang di bawah *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi mempertingkatkan kemudahan fasiliti di Hospital Bukit Mertajam.

Perincian projek-projek tersebut adalah seperti berikut :

NO.	PROJEK NAIK TARAF	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
1.	Cadangan Projek Menaik Taraf Bangunan Asrama Jururawat kepada Kompleks Psikiatri Dan Kesihatan Mental, Hospital Bukit Mertajam.	57.6 juta
2.	Projek Naik Taraf Bangunan Empat (4) Tingkat Dan Sistem Kejuruteraan Di Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	20 juta
JUMLAH		77.6 juta

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

12. Semua staf dan doktor di klinik dan hospital kerajaan adalah *overworked* sejak permulaan pandemik dari tahun 2020 sehingga masa kini, adakah Kerajaan Negeri bersedia membayar insentif dan/atau ganjaran kepada mereka?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) memahami dan menyanjung tinggi segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh kakitangan kesihatan sebagai barisan pertama mendepani dan berjuang melawan pandemik COVID-19. Secara dasarnya, kakitangan kesihatan ini telah menerima imbuhan tambahan daripada pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Justeru itu, buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada sebarang perancangan bagi membayar insentif tambahan kepada kakitangan kesihatan yang berkhidmat di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

13. Ekoran daripada kenaikan harga bahan-bahan mentah seperti keluli, besi, aluminium dan sebagainya, adakah fenomena ini mempunyai impak pada pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP)?

(a) Apakah anggaran kos pembangunan PTMP yang terkini?.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kenaikan harga komoditi bahan mentah untuk kegunaan sektor pembinaan sememangnya akan membawa kepada kos pembinaan yang lebih tinggi termasuk pelaksanaan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Antara komponen utama di bawah Projek PTMP Fasa 1 adalah *Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT)*, *Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)*, dan Projek Jalan Utama dan Terowong.

Walaupun bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan untuk melaksanakan komponen-komponen PTMP masih belum bermula setakat ini. Kos sebenar hanya dapat ditentukan setelah kerja reka bentuk dan proses tender terbuka untuk melantik kontraktor selesai. Proses tender terbuka ini akan memastikan Kerajaan Negeri mendapat harga yang munasabah daripada pihak kontraktor sekaligus memberikan keuntungan yang optima terhadap Kerajaan Negeri.

- (a) Oleh yang demikian, anggaran kos bagi komponen-komponen PTMP masih akan dikekalkan buat ketika ini di mana kos Lebuhraya PIL1 dianggarkan berjumlah RM7.5 bilion dan sistem rel BLLRT dianggarkan berjumlah RM9.5 bilion seperti yang telah dilaporkan di media. Kos ini tidak termasuk kos pengambilan balik tanah dan harga bahan binaan akibat kenaikan kadar inflasi.

Manakala kos bagi projek-projek tiga (3) Jalan Utama dan Terowong yang dipertanggungjawabkan di bawah syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) masih kekal seperti yang ditawarkan di dalam kontrak iaitu sebanyak RM6.341 bilion.

Justeru, Kerajaan Negeri berharap projek PTMP dapat direalisasikan secepat mungkin dan diberi sokongan penuh kepada projek ini demi masa depan Pulau Pinang, khususnya kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

14. Apakah tindakan proaktif yang sering diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah rumah kediaman yang digunakan untuk tujuan komersial?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa mengambil tindakan proaktif bagi masalah rumah kediaman yang digunakan untuk tujuan komersial seperti berikut:
- (i) MBPP sentiasa mengawal dan mengurus permohonan tukar guna rumah kediaman untuk tujuan komersial di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 serta garis panduan-garis panduan yang berkaitan. Sehingga kini MBPP telah menerima pakai 12 garis panduan tukar guna bangunan kediaman sedia ada kepada perniagaan seperti berikut:

Bil.	Garis Panduan
1	Pertukaran kegunaan premis-premis kediaman kepada kegunaan lain di sepanjang Jalan Air Hitam, Jalan Terengganu, Gelugor dan Jalan Tanjong Tokong (JB.1123/80).
2	Garis panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan - Bangunan Kediaman Sediada Berhadapan Jalan Masjid Negeri Dan Jalan Sultan Azlan Shah.

3	Garis panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan – Bangunan Kediaman Sediada Berhadapan Jalan P.Ramlee (Disempadani Oleh Jalan Perak Dan Jalan Terengganu)
4	Garis panduan Pengawalan Perancangan Untuk Pemajuan Baru Dan Pertukaran Bangunan-Bangunan Kediaman Sediada Di Kawasan Yang Disempadankan Oleh Persiaran Gurney Dan Jalan Kelawei, Bandaraya George Town.
5	Garis panduan Untuk Pemajuan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Kawasan Yang Disempadankan Oleh Jalan Mohd. Taib, Jalan Jelutong, Jalan Madrasah Dan Laut.
6	Garis panduan Untuk Kawalan Pemajuan Baru Dan Tukarguna Bangunan-Bangunan Kediaman Sediada Di Atas Lot-Lot Yang Berhadapan Jalan Air Hitam
7	Garis panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan – Bangunan Kediaman Sedia Ada Berhadapan Jalan Mahsuri/ Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru, Pelan No.: MPPP/PN-038(PG/BBARU) (D1/2002
8	Garis panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan-Bangunan Kediaman Sediada Berhadapan Jalan Tanjong Bunga Pelan No.: MPPP/PN-037(PG/T.BUN) (D1/2002)
9	Garis panduan Pengawalan Perancangan Untuk Pertukaran Kegunaan Bangunan – Bangunan Kediaman Sedia Ada Di Kawasan Sebelah Selatan Bidang Hadapan Jalan Kelawai, BandarayaGeorge Town (Pelan No.: MPPP/PN-039(PG/KLW) (F1/2002))
10	Garis panduan Pengawalan Perancangan Untuk Tukarguna Bangunan Kediaman Sediada Bagi Premis – Premis Dilingkungi Oleh Lorong Relau 3 Dan Lorong Relau 2. (Pelan No.: MPPP/PN-040(PG/KGR) (D1/2003)

11	Garis panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Kediaman Sediada Berhadapan Jalan Sungai Kelian, Tanjung Bunga (Pelan No.: MPPP/PN-041/PG/SG. KELIAN(D1/2004)
12	Garis panduan Tukarguna Bangunan-Bangunan Kediaman Sesebuah Sedia Ada Kepada Perniagaan Dan Institusi Di Jalan Macalister Di Antara Persimpangan Lebuhraya Peel Dan Persimpangan Jalan Perak, Pulau Pinang

- (ii) MBPP juga akan menguatkuasa Undang-Undang Kecil *Establishment* Makanan MPPP 1991 dan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MPPP 1991 bagi mengawal aktiviti komersial yang dijalankan di rumah kediaman tanpa kelulusan;
- (iii) Mengeluarkan tawaran kompaun bagi kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen MBSP yang sah di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MBSP 1980;
- (iv) Mengambil tindakan mahkamah bagi kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen; dan
- (v) Mengambil tindakan penguatkuasaan dibawah Seksyen 72, Akta, Jalan Parit dan Bangunan 1974; dan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

15. Terdapat banyak haiwan liar seperti monyet di kawasan Mount Erskine Lorong Air Terjun dan Batu Gantong.
- (a) Apakah tindakan Jabatan Perhilitan Negeri dalam menangani isu ini?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu penduduk dalam menangani isu ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. (a) Jabatan PERHILITAN akan menangani isu ini melalui pendekatan berikut:
- i. Melaksanakan pemasangan perangkap di kawasan aduan ini dalam masa terdekat.
 - ii. Membuat pemantauan berkala serta memberi khidmat nasihat kepada pengunjung dan penduduk setempat supaya tidak memberi makan kepada hidupan liar terutama kera.
 - iii. Mengadakan program kesedaran awam kepada penduduk setempat serta operasi bagi menangani masalah ini secara berterusan.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN akan membantu penduduk dalam menangani isu ini melalui pendekatan berikut:
 - i. Mewujudkan perangkap komuniti yang mana perangkap dapat diletakkan di suatu tempat untuk tempoh yang panjang dan diuruskan bersama oleh komuniti setempat.

Memasang papan tanda larangan memberi makan kepada kera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

16. Apakah rancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya terutamanya di Georgetown semasa waktu puncak?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan pengurusan lalu lintas di Bandar George Town telah menjalankan kajian '*Concept Plans for Immediate Measures To Alleviate Traffic Congestion Within George Town and its Vicinity*' dan melaksanakan cadangan menambah baik aliran lalu lintas di jalan-jalan lingkaran George Town serta kawasan sekitarnya seperti Jalan Masjid Negeri, Jalan Utama, Jalan Gottlieb, Jalan Bagan Jermal dan Jalan Mount Erskine.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mempunyai rancangan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya terutamanya di Bandar George Town dengan melaksanakan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) yang merangkumi komponen-komponen projek Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT), Projek-Projek Lebuhraya dan *Penang South Reclamation* (PSR) sebagai Projek Transformasi Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang. Buat masa ini, komponen-komponen PIPPP yang diberi keutamaan untuk pelaksanaan adalah projek BLLRT dan Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1) untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin

serius di kawasan bandar, perindustrian dan perumahan berketumpatan tinggi.

Tiga (3) komponen utama dalam pelaksanaan PIPPP pada masa ini untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya di kawasan Bandar George Town adalah seperti berikut:

(i) Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Lebuhraya PIL 1 menghubungkan kawasan Persiaran Gurney di bahagian utara pulau dan Bayan Lepas di bahagian selatan. Ia merupakan laluan alternatif yang akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan-jalan sedia ada yang lain.

(ii) Sistem Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (BLLRT)

Jajaran rel BLLRT merupakan tulang belakang pengangkutan awam di Pulau Pinang. Transit aliran ringan ini menghubungkan KOMTAR dan Permatang Damar Laut serta *Penang South Reclamation* (PSR) pada masa depan dengan mewujudkan sistem pengangkutan awam yang efisien bagi negeri Pulau Pinang. Ia juga akan menggalakkan peralihan penggunaan kenderaan persendirian kepada penggunaan pengangkutan awam sehingga 40% dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Perkhidmatan pengangkutan awam ini juga akan dilanjutkan ke kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang, termasuk kawasan Seberang Perai pada masa akan datang.

(iii) Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu - Ayer Itam (Pakej 2)

Lebuhraya Pakej 2 pula akan menjadi salah satu laluan alternatif yang menghubungkan Ayer Itam, Bandar Baru Ayer Itam dan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Jalan pintasan ini akan mengurangkan jarak dan masa perjalanan serta membolehkan pengguna jalan raya mengelakkan kawasan yang mengalami kesesakan pada waktu puncak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

17. Apakah kaedah dan/atau langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan pemadam api di semua PPR tidak dicuri?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Isu keselamatan dan kesejahteraan sememangnya menjadi agenda utama Kerajaan Negeri terutama di Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pembekalan alat pemadam api di setiap skim perumahan dalam PAKR adalah selaras dengan keperluan di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]. Namun demikian, usaha murni ini telah dicemarkan dengan pelakuan vandalisme yang begitu berleluasa iaitu kecurian.

Antara langkah mudah dan efisien yang boleh diambil adalah menyampaikan kesedaran kepada setiap penghuni betapa pentingnya menjaga peralatan awam seperti pemadam api ataupun hos bomba. Aktiviti penyampaian kesedaran ini boleh dipikul bersama anggota ketua masyarakat sekitar serta badan bukan kerajaan (NGO). Penyelesaian lain seperti memasang kabinet berkunci turut dapat dilakukan, tetapi ia tidak akan menyelesaikan isu kecurian serta ianya akan melibatkan kerugian yang lebih tinggi kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

18. Apakah kadar pengangguran yang terkini di Pulau Pinang sejak tahun 2020?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB), bilangan penganggur di Malaysia pada 2020 direkodkan seramai 711,000 orang dengan kadar pada 4.5 peratus.

Daripada keseluruhan penganggur di Malaysia, sebanyak 30,600 orang atau 4.3 peratus penganggur adalah di Pulau Pinang. Kadar pengangguran di Pulau Pinang pada tahun 2020 adalah pada 3.5 peratus. Perbandingan dengan tempoh sebelum pandemik, bilangan penganggur dan kadar pengangguran Pulau Pinang kekal tinggi berbanding sekitar 16,700 orang dan kadar pengangguran 2.0 peratus pada 2019.

Daripada segi perincian penganggur mengikut jantina, bilangan penganggur lelaki sentiasa melebihi penganggur perempuan. Pada tahun 2020, merekodkan jumlah penganggur lelaki di Pulau Pinang sebanyak 23,100 orang atau 75.6 peratus. Manakala, penganggur perempuan pula direkodkan seramai 7,400 atau 24.4 peratus.

Berdasarkan statistik tenaga buruh terkini, pada suku tahun ketiga 2021, bilangan penganggur di Pulau Pinang direkodkan seramai 34,000 orang dengan kadar pengangguran pada 3.7 peratus. Perbandingan dengan suku sebelumnya, bilangan penganggur di Pulau Pinang turun marginal 0.1 peratus dari

37,200 yang direkodkan pada suku tahun kedua 2021, manakala kadar pengangguran turun 0.2 mata peratus.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

19. Senaraikan bilangan unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak yang masih kosong dan tidak dihuni?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja memberi penumpuan kepada pembekalan rumah mampu milik, bahkan menguruskan unit-unit sewa di bawah Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan jumlah keseluruhan sebanyak 2,911 unit di seluruh Negeri Pulau Pinang. Khusus di Rumah Pangsa Padang Tembak, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengurus sebanyak 521 unit RSKN di Blok E dan Blok J. Sehingga 31 Oktober 2021, masih terdapat 9 unit 1 bilik tidur yang masih kosong. Perincian ke atas maklumat pengisian unit dan kadar sewaan seperti jadual berikut:

BIL.	PERKARA	BLOK E	BLOK J	JUMLAH
	JUMLAH UNIT	188	333	521
1.	Bilangan Unit Diisi (selain unit sewa PBA)	187	265	452
2.	Bilangan Unit Kosong (selain unit sewa PBA)	1	8	9
3.	Bilangan Unit Diisi (sewaan PBA)	-	50	50
4.	Bilangan Unit Kosong (sewaan PBA)	-	10	10

**KADAR SEWAAN DITETAPKAN DI RUMAH PANGSA
PADANG TENBAK**

BIL.	PERKARA	KADAR
1.	Unit satu (1) bilik	RM90.00
2.	Unit dua (2) bilik	RM110.00
3.	OKU (1 bilik @ 2 bilik)	RM70.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

20. Nyatakan bilangan rumah yang dibeli oleh golongan berpendapatan rendah (B40) melalui konsep sewa beli mengikut tahun 2020 dan 2021.

(a) Nyatakan bilangan kondo dan rumah yang tidak dapat dijual dari tahun 2018 sehingga 2021.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Penyediaan Rumah Mampu Milik yang mencukupi bagi di bawah gagasan Penang2030 sebanyak 220,000 telah membawa kepada pencapaian sebanyak 126,816 unit RMM di pelbagai tahap. Selain daripada itu, faktor penolakan pembiayaan kewangan turut diperhalusi di mana sasaran sebanyak 22,000 unit RMM ditawarkan di bawah kaedah sewa beli. Sejak tahun 2014 hingga kini, sebanyak 2,510 unit RMM A dan B berada di dalam rekod Kerajaan Negeri. Syarat permohonan RMM A dan B bagi penawaran skim sewa beli telah ditetapkan pada had pendapatan maksima isi rumah RM1,500.00 dan RM2,000.00 yang sememangnya menyasarkan golongan B40. Khusus bagi tahun 2020 sehingga 2021, sebanyak 469 unit rumah telah diterima oleh golongan B40 melalui skim sewa beli di bawah Kerajaan Negeri. Senarai projek yang ditawarkan secara sewa beli sepanjang tahun 2020 hingga 2021 seperti di **LAMPIRAN A.**

(a) Isu hartanah termasuk kediaman tidak terjual atau *overhang* merujuk kepada kategori unit telah siap dibina tetapi tidak dapat dijual melebihi sembilan (9) bulan dari

tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan/*Certificate of Competition and Compliance* (CCC). Sehingga Sukuan Kedua Tahun 2021 (H2 2021), kemaskini terkini oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negara (NAPIC) melalui *Unsold Property Enquiry System Malaysia* (UPESM) telah melaporkan sebanyak 5,005 unit hartanah kediaman tidak terjual dengan nilai RM3.849 bilion. Jumlah tertinggi adalah melibatkan kondominium/apartmen sebanyak (4,613 unit). Perincian pecahan unit *overhang* mengikut julat harga bagi Sukuan Kedua Tahun 2021 di negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK YANG DITAWARKAN SECARA SEWA BELI SEPANJANG
TAHUN 2020 HINGGA 2021**

BIL.	DAERAH	NAMA PROJEK	JENIS RMM	STATUS PROJEK	JUMLAH UNIT	JUMLAH DITAWAR	JUM. TERIMA TAWARAN
1.	Barat Daya	Taman Prestij Idaman	A	Siap	612	107	80
2.	Seberang Perai Utara	PPR Mak Mandin	B	Siap	70	107	51
3.	Seberang Perai Selatan	Taman Sejahtera Rakyat	B	Siap	41	37	27
4.	Seberang Perai Tengah	PPR Kampung Tok Suboh	B	Siap	231	231	231
5.		Rumah Pangsa Desa Wawasan	A	Siap	456	86	41
6.		Taman Desa Tok Suboh	B	Siap	39	39	39
JUMLAH KESELURUHAN					1,449	607	469

LAMPIRAN B**PERINCIAN PECAHAN UNIT *OVERHANG* MENGIKUT JULAT HARGA
BAGI SUKUAN KEDUA TAHUN 2021 DI NEGERI PULAU PINANG**

JULAT HARGA	BILANGAN UNIT	NILAI	PERATUSAN
RM300,000.00 ke bawah*	406	RM112,943,300.00	8.11%
RM300,000.00 hingga RM500,000.00	1,374	RM613,495,186.00	27.45%
RM500,000.00 hingga RM799,000.00	999	RM631,254,020.00	19.96%
RM800,000.00 hingga RM999,000.00	1,277	RM1,097,087,375.00	25.52%
RM1,000,000.00 dan ke atas	949	RM1,394,627,095.00	18.96%
Jumlah	5,005	RM3,849,406,976.00	

*daripada jumlah 406 unit bagi julat harga RM300,000.00 dan ke bawah, hanya enam (6) unit sahaja melibatkan unit RMM A (melibatkan kes pampasan dan masih tertangguh di mahkamah)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

21. Apakah usaha dan/atau inisiatif Kerajaan Negeri untuk menstabilkan harga pasaran hartanah seperti kondo dan rumah di Pulau Pinang?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Prestasi pasaran hartanah adalah perlahan sejak tahun 2020 selari dengan kegiatan ekonomi yang menyusut kesan langsung daripada pandemik COVID-19. Ini dapat dilihat dengan peningkatan unit kediaman siap tidak terjual melebihi 9 bulan (*overhang*) semasa 2020 didapati berlaku penurunan, namun meningkat semula bagi tahun 2021.

Kerajaan Negeri dalam usaha merancakkan sektor ini telah memperkenalkan Dasar Rangsangan Hartanah dan Kempen Pemilikan Rumah / *Home Ownership Campaign (HOC)* yang bermula sejak Jun 2020 hingga Jun 2022. Sasaran pemulihan sentimen pembinaan melibatkan tiga (3) komponen iaitu pembeli, pemaju dan pemilik hartanah. Keupayaan membeli yang terjejas berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong Kerajaan Negeri untuk memberikan pelbagai insentif termasuk menurunkan harga siling RMM sebanyak 10 peratus kepada semua kategori Rumah Mampu Milik C.

Kerajaan Negeri melalui LPNPP juga optimis segmen Rumah Mampu Milik akan menjadi faktor penyumbang kepada pemulihan ini. Semasa tempoh PKP juga, penawaran RMM terus berlangsung dengan baik, bahkan permohonan RMM melalui Sistem Maklumat Perumahan terus menunjukkan

pertambahan. Mengambil kira kategori kediaman apartmen dan kondo merupakan penyumbang utama kepada isu hartanah siap tidak terjual (*overhang*), Kerajaan Negeri turut berunding bersama persatuan pemaju untuk mempelbagaikan jenis kediaman terutama kategori mampu milik.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

22. Masalah kekurangan tempat parkir di Hospital Besar Pulau Pinang amat serius, apakah rancangan Kerajaan Negeri dan tempoh masa sasaran dalam menyelesaikan isu ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Buat masa ini, jumlah keseluruhan tempat letak kereta (parkir) yang terdapat di Hospital Pulau Pinang (HPP) adalah sebanyak 1,631 lot. Perincian kemudahan parkir tersebut mengikut pecahan penggunaan adalah berikut:
- (i) 968 lot untuk orang awam;
 - (ii) 632 lot untuk kakitangan HPP;
 - (iii) 14 lot untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU); dan
 - (iv) 17 lot untuk kenderaan jabatan/lain-lain.

Pihak HPP mengambil maklum mengenai isu kekurangan parkir yang berlaku dan sentiasa berusaha dalam mengatasi permasalahan ini bagi memastikan keselesaan kepada semua pihak yang datang berurusan atau mendapatkan rawatan. Antara usaha yang telah dilaksanakan sejak tahun 2018 sehingga kini adalah melalui kerjasama dengan "GrabCar" melalui tawaran "Promo Code GrabCar" yang menyediakan kadar diskaun kepada pengguna ke HPP. Usaha ini

dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan orang awam menggunakan kenderaan peribadi ke HPP.

Pihak HPP dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga memberi penekanan supaya projek-projek pembangunan yang dilaksanakan mengambil kira perancangan keperluan penyediaan tempat parkir yang mencukupi kepada semua pengguna. Projek-projek utama di HPP yang akan dibangunkan turut menyediakan kemudahan parkir baharu yang setara dengan keperluan pengguna seperti berikut:

- (i) Projek Blok Klinik Pakar dan Wad – 500 parkir; dan
- (ii) Projek Blok Wanita dan Kanak-kanak – 455 parkir.

Selain itu, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM juga sedang dalam perancangan untuk mempertimbangkan penggunaan inovasi atau teknologi terkini dalam menyediakan kemudahan parkir yang lebih efisien di semua fasiliti kesihatan Kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

23. *Food truck* semakin popular di Pulau Pinang, adakah *food truck* perlu dilesenkan oleh PBT?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Di Pulau Pinang, pengusaha *food truck* perlu mengemukakan permohonan lesen kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum menjalankan aktiviti perniagaan *food truck*. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, satu **Garis Panduan Lesen Trak Bergerak (Trak Makanan, Barangan Dan Perkhidmatan) Majlis Bandaraya Pulau Pinang** telah dikuatkuasakan sejak Julai 2020. Kadar Bayaran Fi Trak Bergerak (Makanan, Minuman, Barang Am dan Perkhidmatan) adalah seperti berikut:-

Kategori	Kadar
Permit bulanan [maksimum 3 lokasi]	RM450.00 sebulan
Permit Tapak Karnival/ Pesta	RM 50.00 sehari / per tapak
Caj sampah	
(i) Trak Makanan	RM11.00 sehari/per tapak
(ii) Trak Barangan & Perkhidmatan	RM5.50 sehari/per tapak

Bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai pula,aktiviti perniagaan *food truck* perlu dilesenkan dibawah Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 1991. Caj bayaran lesen adalah berjumlah RM60.00 setahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

24. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah runtuh atau hakisan tanah seperti yang telah berlaku di Taman Harmoni, Alila Home dan sebelah Skyridge Kondo dapat dielakkan pada masa yang akan datang?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

24. Selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030), sebarang pembangunan perbandaran yang meliputi pembangunan skim perumahan, perhotelan, rumah peranginan, perdagangan, perindustrian dan sebarang struktur bangunan (*footprint*) tidak dibenarkan di kawasan:
- (i) Tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (Akta 385); atau
 - (ii) Sebarang tanah yang berada pada aras 76 meter (250 kaki) ke atas dan berkecerunan 25 darjah ke atas kecuali bagi pemajuan infrastruktur dan utiliti dibenarkan dengan syarat-syarat dari Jabatan Teknikal yang berkaitan dan mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Selain itu, satu garis panduan untuk meningkatkan keselamatan serta panduan pembangunan dan kerja tanah di kawasan berbukit telah dibangunkan melalui *Penang Safety Guideline For Hill Site Development Second Edition 2020*. Pemaju, perunding dan kontraktor untuk setiap pemajuan dikehendaki mengikuti penetapan garis panduan ini sehingga ke peringkat penyelenggaraan.

Jawatankuasa Pembangunan Tanah Berisiko yang dianggotai oleh semua agensi kerajaan terlibat termasuk Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah diadakan di peringkat Kerajaan Negeri untuk meneliti dan memberi perakuan bagi semua projek pembangunan di kawasan bercerun dan berisiko. Kelulusan hendaklah diperoleh daripada jawatankuasa ini sebelum Kebenaran Merancang (KM) diberi pertimbangan.

Semua cadangan pembangunan hendaklah mematuhi Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP), berdasarkan Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua yang telah dikeluarkan oleh pihak JPS. Di samping itu, pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 turut disyaratkan kepada pemaju.

Pemantauan tanah bukit dan pemeriksaan tapak pembangunan yang lebih kerap dijalankan oleh jabatan/agensi kerajaan untuk mengenal pasti sebarang kerja tanah tanpa kelulusan dan kerja-kerja yang tidak dijalankan mengikut garis panduan atau syarat-syarat yang ditetapkan. Seterusnya tindakan penguatkuasaan akan diambil mengikut peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

Pihak JKR turut mencadangkan supaya kajian menyeluruh dijalankan oleh JMG bagi mengenal pasti keadaan tanah tinggi dan cerun-cerun yang berada berhampiran kawasan perumahan supaya dapat menyediakan laporan terperinci dan kaedah mitigasi yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi kejadian tanah runtuh supaya dapat dikemukakan kepada pihak pemilik tanah-tanah yang terlibat dan pihak berkuasa ke atas tanah-tanah yang terlibat untuk diambil tindakan susulan mengikut bidang kuasa masing-masing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

25. Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemberian subsidi dan/ atau insentif kepada rumah orang tua swasta yang sanggup menerima warga emas (B40) yang tidak berpendapatan dan juga tidak ada saudara-mara?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk negara. Justeru, penubuhan pusat jagaan warga emas swasta di seluruh negara adalah digalakkan sebagai persediaan untuk menghadapi status negara tua menjelang tahun 2030.

Pada masa ini, tiada pemberian subsidi oleh Kerajaan Negeri kepada rumah orang tua swasta yang sanggup menerima warga emas (B40) yang tidak berpendapatan dan juga tiada saudara-mara. Warga emas yang berkaitan boleh disyorkan untuk menetap di Rumah Sejahtera yang tidak mengenakan sebarang caj bayaran. Di samping itu, bagi warga emas yang beragama Islam pula, terdapat Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan yang tidak mengenakan caj kepada penghuni berstatus asnaf. Senarai pusat jagaan warga emas dengan kadar yuran percuma di Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

SENARAI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS BERDAFTAR DENGAN KADAR YURAN PERCUMA DI NEGERI PULAU PINANG

BIL	NAMA PUSAT JAGAAN	DUN	YURAN (RM)
1.	Rumah Orang Tua Jubli Perak Jalan Sungai Dua 11700 Bayan Lepas.	Batu Uban	Percuma
2.	Little Sisters Of The Poor No.79 Lorong Batu Lanchang.	Batu Lanchang	Percuma
3.	The Penang Buddhist Association Senior Citizens' Home 71, Jalan Merak 10150 George Town.	Datuk Keramat	Percuma
4.	Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang No. 409 Jalan Masjid Negeri.	Batu Lanchang	Percuma
5.	Pusat Jagaan Peace and Harmony Home No. 56 Jalan Thomas, George Town.	Datuk Keramat	Percuma
6.	Pusat Jagaan Rumah Sejahtera Bertam Lot 5704, MK 6, Lorong Rupawan 7.	Permatang Berangan	Percuma
7.	Badan Kebajikan Rumah Warga Emas Darul Hanan Lot 2695, Mukim 6, Pongsu Seribu, Kepala Batas, Pulau Pinang.	Kepala Batas	Percuma kepada asnaf 500 - 900
8.	Rumah Sejahtera Permatang Tinggi Jalan Besar, Permatang Tinggi.	Bukit Tengah	Percuma

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

26. Berapa ramaikah doktor kontrak yang bertugas di Pulau Pinang?
Senaraikan mengikut hospital dan klinik kerajaan.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Pengisian bagi pegawai perubatan kontrak gred UD41-UD43 sehingga 31 Oktober 2021 adalah seramai 472 orang doktor yang ditempatkan di Hospital Kerajaan, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pejabat Kesihatan (PK) Pintu Masuk Antarabangsa Pelabuhan dan Lapangan Terbang Pulau Pinang seperti perincian di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**PENGISIAN BAGI PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK GRED UD41-UD43
SEHINGGA 31 OKTOBER 2021**

BIL	PENEMPATAN	BIL PEGAWAI KONTRAK
1	HOSPITAL PULAU PINANG	171
2	HOSPITAL SEBERANG JAYA	87
3	HOSPITAL BUKIT MERTA JAM	40
4	HOSPITAL KEPALA BATAS	45
5	HOSPITAL BALIK PULAU	11
6	HOSPITAL SUNGAI BAKAP	31
7	PKD TIMUR LAUT	24
8	PKD BARAT DAYA	18
9	PKD SEBERANG PERAI UTARA	5
10	PKD SEBERANG PERAI TENGAH	19
11	PKD SEBERANG PERAI SELATAN	20
12	PK PINTU MASUK ANTARABANGSA PELABUHAN & LAPANGAN TERBANG PULAU PINANG	1
JUMLAH		472

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

27. Nyatakan bilangan rumah yang dibeli oleh golongan pendapatan rendah (B40) melalui konsep sewa beli mengikut tahun 2020 dan 2021.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi dibawah gagasan Penang2030 sebanyak 220,000 unit telah membawa kepada pencapaian sebanyak 126,816 unit RMM di pelbagai tahap. Selain daripada itu, faktor penolakan pembiayaan kewangan turut diperhalusi dimana sasaran sebanyak 22,000 unit RMM ditawarkan di bawah kaedah sewa beli. Sejak 2014 hingga kini, sebanyak 2,510 unit RMM A dan B berada di dalam rekod Kerajaan Negeri. Syarat permohonan RMM A dan B bagi penawaran skim sewa beli telah ditetapkan pada had pendapatan maksima isi rumah RM1,500.00 dan RM2,000.00 yang sememangnya mensasarkan golongan B40. Khusus bagi tahun 2020 sehingga 2021, sebanyak 469 unit rumah telah diterima oleh golongan B40 melalui skim sewa beli di bawah Kerajaan Negeri. Senarai projek yang ditawarkan secara sewa beli sepanjang tahun 2020 hingga 2021 seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A

**SENARAI PROJEK YANG DITAWARKAN SECARA SEWA BELI SEPANJANG
TAHUN 2020 HINGGA 2021**

BIL.	DAERAH	NAMA PROJEK	JENIS RMM	STATUS PROJEK	JUMLAH UNIT	JUMLAH DITAWAR	JUM. TERIMA TAWARAN
1.	Barat Daya	Taman Prestij Idaman	A	Siap	612	107	80
2.	Seberang Perai Utara	PPR Mak Mandin	B	Siap	70	107	51
3.	Seberang Perai Selatan	Taman Sejahtera Rakyat	B	Siap	41	37	27
4.	Seberang Perai Tengah	PPR Kampung Tok Suboh	B	Siap	231	231	231
5.		Rumah Pangsa Desa Wawasan	A	Siap	456	86	41
6.		Taman Desa Tok Suboh	B	Siap	39	39	39
JUMLAH KESELURUHAN					1,449	607	469

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

28. Berikan statistik terkini kes-kes keganasan terhadap wanita di Pulau Pinang termasuk keganasan domestik, jenayah seksual, gangguan seksual dan selainnya bagi tahun 2020 dan tahun 2021?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Statistik terkini kes-kes keganasan terhadap wanita di Pulau Pinang berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seperti berikut:

KESALAHAN	TAHUN		JUMLAH
	2020	2021 (sehingga Oktober)	
Keganasan rumah tangga	213	303	516
Rogol	89	67	156
Cabul	51	61	112
Mengaibkan	38	34	72

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

29. Apakah jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar daripada keluarga (B40) di Pulau Pinang untuk pembelajaran secara *online*?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri dengan kerjasama *Malaysia Semiconductor Industry Association* (MSIA) telah berjaya menyediakan sebanyak 1,552 buah komputer riba kepada para pelajar daripada golongan B40 di Negeri Pulau Pinang di bawah Program Inisiatif Dan Sokongan Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Tahun 2021 atau e-Pembelajaran. Pecahan pemberian komputer riba mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Unit Komputer Riba
Timur Laut	504
Barat Daya	272
Seberang Perai Utara	424
Seberang Perai Tengah	220
Seberang Perai Selatan	132
Jumlah	1,552

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa e-Pembelajaran tahun 2021 juga telah memperuntukkan sebanyak 100 buah komputer riba terpakai secara pinjaman pajakan selama enam (6) bulan kepada pelajar sekolah menengah. Walau bagaimanapun, skim pajakan ini masih dalam peringkat pengagihan kepada para pelajar yang memerlukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(B)(XXV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

30. Nyatakan bilangan peniaga kecil dan sederhana di Pulau Pinang yang gulung tikar bagi tahun 2020 dan 2021.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Pada tahun 2020, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima serahan semula peruntukan lesen daripada 114 orang peniaga dan seramai 100 orang peniaga menyerahkan semula lesen kepada MBPP bagi tahun 2021. Bagi kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula, tiada sebarang pembatalan lesen daripada peniaga dengan alasan tidak dapat meneruskan perniagaan.